

Headline	Projek penghutanan semula tambah pendapatan UTM		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	35	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	270 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,891
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,673



## Projek penghutanan semula tambah pendapatan UTM

**SKUDAI** - Projek Penghutanan Semula Bekas Ladang Getah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) menjadi medium menambah pendapatan kepada institusi pengajian tinggi (IPT) itu menerusi sektor eko-edu pelancongan.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Ir Wahid Omar berkata, projek seluas 12 hektar membabitkan tanaman pokok hutan, herba dan buluh pelbagai jenis itu menjadi tarikan pelajar dan pelancong luar negara khususnya dari Jepun dan Singapura.

"Projek lima tahun kerjasama antara UTM dan Frim ini bermula sejak 2012 membabitkan tanaman pokok hutan, herba dan buluh bagi memulihara dan memelihara semula hutan terutamanya spesies yang terancam."

"Sejak Julai tahun lalu, projek tanaman herba kita mendapat sambutan menggalakkan daripada pelancong luar negara khususnya dalam kalangan pelajar yang ingin mengkaji spesies herba tempatan yang ditanam di sini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan penanaman 30 pokok merbau di bawah Projek Penghutanan Semula Bekas Ladang Getah UTM - Frim di Hutan Rekreasi UTM, di sini, baru-baru ini.

Wahid berkata, pihaknya dalam peringkat perbincangan bagi memastikan usaha pemuliharaan hutan yang dijalankan menerusi projek itu dapat diteruskan sebagai salah satu kawasan hutan kekal di negeri ini.

"Kita juga dalam perancangan menambah tarikan kawasan hutan ini menerusi projek pengindahan sungai yang terletak berhampiran dan akan dikendalikan oleh pelajar kita."

"Kita mahu projek ini menjadi kawasan hutan simpan untuk gene-

**Kita juga dalam perancangan menambah tarikan kawasan hutan ini menerusi projek pengindahan sungai yang terletak berhampiran dan akan dikendalikan oleh pelajar kita."**

Wahid

rasi akan datang mengenali spesies pokok tempatan di samping membekalkan oksigen dan udara sihat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Frim, Dr Ahmad Zuhaidi Yahya berkata, projek itu merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini bagi menukar tanaman getah kepada pokok hutan membabitkan 30 spesies pokok hutan seluas 10 hektar serta 20 spesies buluh seluas satu hektar dan 10 spesies tanaman herba tempatan seluas satu hektar.

"Sebelum ini kawasan ini merupakan ladang tanaman getah dan kita tanam semula dengan pokok hutan secara berperingkat dan kebanyakan tanaman hutan terdiri dari spesies terancam termasuk belian, merbau, pulai, sentul, engkabang dan kulim."

"Manakala tanaman herba termasuk mahkota dewa, mas cotek, karas dan tenggek burung dan bagi tanaman buluh kita mempunyai spesies buluh pagar dan betung," katanya.

Katanya, setakat ini hampir 4,000 pokok dari benih tempatan termasuk Borneo, Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia berjaya ditanam menerusi projek itu membabitkan kos keseluruhan kira-kira RM600,000.

Headline	Projek penghutanan semula tambah pendapatan UTM		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	02 Feb 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	35	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	270 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,891
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,673



Wahid (duduk, dua kanan) bersama Ahmad Zuhaidi (duduk, kiri) menyempurnakan simbolik penanaman pokok merbau di Hutan Rekreasi UTM, baru-baru ini.